



**JABATAN PELESENAN  
MAJLIS DAERAH YONG PENG**

TEL : 07-4671276 | FAKS : 07-4671712 | PORTAL RASMI : [www.mdyongpeng.gov.my](http://www.mdyongpeng.gov.my)

**BORANG PERMOHONAN PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA**

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA  
(MAJLIS DAERAH YONG PENG) (PINDAAN) 2020**

Borang ini hendaklah diisi dengan huruf besar dan tandakan ( / ) dalam kotak-kotak yang berkenaan.  
Kembalikan borang ini beserta dokumen-dokumen berikut:

BIL	DOKUMEN LAMPIRAN	TANDAKAN
1	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan	

<b>A. MAKLUMAT PEMOHON</b>	
NAMA	
NO KAD PENGENALAN	
JAWATAN DALAM PARTI	
NO TELEFON	
ALAMAT	

<b>B. MAKLUMAT PARTI POLITIK</b>	
NAMA PARTI	
ALAMAT PEJABAT PARTI	
BAHAGIAN PILIHAN RAYA	

TEMPOH IKLAN DIPAMER	_____ - <b>13 MAC 2022</b>
----------------------	----------------------------

Iklan pilihan raya hendaklah dipamerkan dengan cara seperti mana dibenarkan dalam perkara 10 (1) (a), (b), (c) dan (d) dan 11 (a), (b) dan (c) Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Yong Peng) (Pindaan) 2020 di lokasi bahagian pilihan raya \*Dewan Rakyat / Dewan Undangan Negeri.

Pemohon dengan ini bersetuju menjelaskan pembayaran wang berjumlah **Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja (RM 5,000.00)** sebagai deposit pematuhan syarat dan peruntukan perundungan yang dilampirkan bersama permohonan ini. Pemohon juga selanjutnya bersetuju, sekiranya terdapat **pelanggaran mana-mana syarat permohonan**, maka deposit yang dibayar kepada pihak Majlis akan **dilucutkan** haknya. (**Undang-undang Kecil 9**)

.....  
**Tandatangan Pemohon**

Tarikh : .....

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA  
(MAJLIS DAERAH YONG PENG) (PINDAAN) 2020**

**SYARAT DAN PERATURAN BAGI IKLAN PILIHAN RAYA**

1. Permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua MDYP ;
  - 1.1 oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihan raya Parlimen dan bahagian pilihan raya Negeri yang berkenaan;
  - 1.2 jika orang yang hendak bertanding itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri; atau
  - 1.3 oleh ejen pilihan raya yang dilantik oleh seorang calon untuk pilihan raya itu;
2. Permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDYP hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutnya hari mengundi.
3. Pemegang permit hendaklah mengalihkan segala iklan pilihan raya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan dalam masa **14 hari** selepas hari mengundi.
4. Sesuatu iklan pilihan raya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja ;
  - 4.1 dengan melekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
  - 4.2 dengan menggantungkan iklan pilihan raya di sepanjang mana-mana lebuh, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
  - 4.3 dengan menanam penopang iklan pilihan raya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
  - 4.4 dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit.
5. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihan raya di tempat-tempat berikut ;-
  - 5.1 mempamerkan iklan pilihan raya atau membina atau mendirikan apa- apa papan tanda atau struktur sehingga meliputi atau melindungi isyarat lalulintas, tanda-tanda arahan atau lampu perhiasan;
  - 5.2 mempamerkan iklan pilihan raya atas atau merintangi mana-mana lebuh;
  - 5.3 mempamerkan iklan pilihan raya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacaikan permukaan bangunan atau struktur itu.
6. Pemegang permit juga adalah tertakluk kepada Akta, Undang-undang Kecil dan mana-mana undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh Majlis. Selanjutnya, Majlis tidak bertanggungjawab atas segala tuntutan oleh mana-mana pihak di atas segala kerugian yang timbul akibat daripada iklan-iklan pilihan raya yang dipamerkan.
7. Pemulangan deposit hanya boleh dibuat selepas **14 hari** dari tarikh tamat permit.
8. Majlis boleh melucutkan hak deposit yang dibayar jika terdapat pelanggaran apa-apa syarat permit atau apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana- mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.
9. Pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Yong Peng) (Pindaan) 2020 adalah melakukan suatu kesalahan, jika disabitkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan mengenai suatu kesalahan yang berterusan, denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA  
(MAJLIS DAERAH YONG PENG) (PINDAAN) 2020**

**SYARAT DAN PERATURAN BAGI IKLAN PILIHAN RAYA**

1. Permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua MDYP ;-
  - 1.4 oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihan raya Parlimen dan bahagian pilihan raya Negeri yang berkenaan;
  - 1.5 jika orang yang hendak bertanding itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri; atau
  - 1.6 oleh ejen pilihan raya yang dilantik oleh seorang calon untuk pilihan raya itu;
2. Permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDYP hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutnya hari mengundi.
3. Pemegang permit hendaklah mengalihkan segala iklan pilihan raya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan dalam masa 14 hari selepas hari mengundi.
4. Sesuatu iklan pilihan raya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja ;
  - 4.5 dengan melekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
  - 4.6 dengan menggantungkan iklan pilihan raya di sepanjang mana-mana lebuh, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
  - 4.7 dengan menanam penopang iklan pilihan raya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
  - 4.8 dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit.
5. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihan raya di tempat-tempat berikut ;-
  - 5.4 mempamerkan iklan pilihan raya atau membina atau mendirikan apa- apa papan tanda atau struktur sehingga meliputi atau melindungi isyarat lalulintas, tanda-tanda arahan atau lampu perhiasan;
  - 5.5 mempamerkan iklan pilihan raya atas atau merintangi mana-mana lebuh;
  - 5.6 mempamerkan iklan pilihan raya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.
6. Pemegang permit juga adalah tertakluk kepada Akta, Undang-undang Kecil dan mana-mana undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh Majlis. Selanjutnya, Majlis tidak bertanggungjawab atas segala tuntutan oleh mana-mana pihak di atas segala kerugian yang timbul akibat daripada iklan-iklan pilihan raya yang dipamerkan.
7. Pemulangan deposit hanya boleh dibuat selepas 14 hari dari tarikh tamat permit.
8. Majlis boleh melucutkan hak deposit yang dibayar jika terdapat pelanggaran apa-apa syarat permit atau apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana- mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.
9. Pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Yong Peng) (Pindaan) 2020 adalah melakukan suatu kesalahan, jika disabitkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan mengenai suatu kesalahan yang berterusan, denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.